

UMP, Ashitechno jalin kerjasama

SINAR HARIAN (CAKTAWAN) 8 NOV 2016

MJS 46

KUANTAN - Universiti Malaysia Pahang (UMP) mempertingkatkan penyelidikan pengurusan sumber alam dan geoteknikal melalui jalinan kerjasama dengan syarikat Asahitechno Co Ltd (Ashitechno).

Ashitechno merupakan syarikat berkaitan geologi pengurusan tanah utama di Jepun yang mencipta teknologi inovatif *Super Well Point* (SWP) sebagai kaedah mengurangkan aras air dalam tanah untuk pembinaan.

Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim berkata, kerjasama itu membolehkan kedua-dua pihak menjalankan penyelidikan bersama dalam pengurusan sumber alam dan geoteknikal.

"Perkongsian kepakaran, pengetahuan industri dan kecekapan teknikal berkaitan, dapat menyumbang kepada pertumbuhan serta pembangunan negara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Ashitechno yang diwakili presidennya, Shigeyoshi Takashi.



Daing Nasir (dua, kiri) saling bertukar MoU yang ditandatangani bersama Shigeyoshi.